Mohd. Adam Iman terima hadiah Murid Cemerlang PSR 2017

PENASIHAT Majlis Perundingan Kampung (MPK) Madewa - Telanai, Dato Paduka Haji Suni bin Haji Idris menyampaikan hadiah Murid Cemerlang PSR 2017 kepada Awang Mohd. Adam Iman bin Haji Mohamad.

JEMPUTAN terdiri daripada para ibu bapa murid Tahun 6 (2018) dan Ahli Jawatankuasa MPK serta Ahli Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa Guru.

Berita dan Foto : Ihsan Haji Mashadi Haji Judin

BUNUT, Isnin, 5 Februari. - Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut baru-baru ini mengadakan Majlis Ceramah Motivasi dan Penyampaian Hadiah Murid Cemerlang PSR 2017.

Majlis merupakan kerjasama di antara Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut dan tiga buah Majlis Perundingan Kampung (MPK), iaitu MPK Kampung Bunut Perpindahan, MPK Kampung Tasek Meradun - Bunut dan MPK Kampung Madewa - Telanai.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Penasihat MPK Madewa - Telanai, Dato Paduka Haji Suni bin Haji Idris.

Majlis diserikan dengan ceramah yang disampaikan oleh Awang Hilman bin Haji Salim yang antara lain menyentuh mengenai membina jati diri untuk menuju kecemerlangan dunia dan akhirat.

Pada majlis tersebut, tetamu Kehormat menyempurnakan penyampaian Hadiah Murid Cemerlang PSR 2017 kepada Awang. Mohd. Adam Iman bin Haji Mohamad.

Ini diselajurkan dengan Penyampaian Folder Program BerKAT (Anak Angkat) kepada guru-guru sekolah yang diamanahkan selaku ibu bapa angkat bagi murid-murid Tahun 6, 2018, yang disampaikan oleh Pengerusi PIBG, Awang. Asran bin Haji Alias.

Dalam hubungan ini, pihak sekolah sangat mengalu-alukan penglibatan para ibu bapa dan masyarakat kampung untuk sama-sama menyokong Inisiatif Pendidikan Rendah (PEI), Kementerian Pendidikan, iaitu sentiasa peka dan mengikuti perkembangan SPN21 serta sentiasa kerjasama dengan pihak berhubung dan memberikan sekolah.

Ekspo Khidmat Masyarakat UNISSA terapkan konsep amalan positif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Ekspo Khidmat Masyarakat yang diadakan di Auditorium, UNISSA pada 3 Februari lepas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad yang telah menyampaikan ucapan perasmian dan penyampaian sijil kepada peserta ekspo.

Turut hadir ke majlis tersebut, pegawai-pegawai utama UNISSA, para pensyarah, kakitangan dan mahasiswa-mahasiswi UNISSA.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Awang Ahmad Shafic bin Haji Mohd Adnan, mahasiswa Tahun 1 di Fakulti Usuluddin, UNISSA.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Awang Muhammad NurAzam bin Muhd Azlan selaku Exco Unit Kebajikan dan Masyarakat, MPP, UNISSA.

Antara objektif acara itu diadakan adalah untuk memberikan pengenalan kepada warga UNISSA mengenai khidmat masyarakat dengan lebih mendalam. Ianya juga untuk mendorong para pelajar mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan amalan yang positif dalam membantu masyarakat sekeliling dan juga memupuk semangat hidup bersama dalam satu komuniti sekali gus membantu menerapkan konsep bergotong-royong serta tolong-menolong dari segi tenaga, pengetahuan mahupun harta.

PENOLONG Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad (empat, kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Ekspo Khidmat Masyarakat yang diadakan di Auditorium, UNISSA.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Ekspo Khidmat Masyarakat tersebut berlangsung selama satu hari iaitu pagi dan petang yang mempamerkan dan mengetengahkan pelbagai jenis khidmat masyarakat yang telah berjaya dilaksanakan.

Ekspo itu juga menjemput organisasi lain untuk menyertai pameran seperti persatuan KESAN, Bina Ukhwah, Belia Masjid Ash-Shalihcen dan Belia Masjid Syababul Iman serta persatuan yang terdapat di dalam UNISSA iaitu Persatuan Pelajar-Pelajar Guaman Asia (ALSA) dan Persatuan Mahasiswa Syariah dan Undang-Undang (SHALAWSOC).

Pada sebelah petang pula diadakan Bicara Khidmat Masyarakat yang terdiri daripada persatuan jemputan untuk mengongsikan pengalaman dan tip untuk menarik mahasiswa-mahasiswi UNISSA ikut serta dalam mana-mana khidmat masyarakat di dalam atau luar negara.

Doa Kesyukuran sempena kejayaan Kumpulan Belia Al Ma'wa

MAJLIS penyampaian sijil penghargaan dan hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Ketua Imam Masjid Kampung Batu Marang, Awang Saiful Rizal bin Haji Abdul Ghafar.

Berita dan Foto : Ihsan Haji Mohammad Isa Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Februari. - Bagi meraikan kejayaan Kumpulan Belia Al Ma'wa dari Masjid Kampung Batu Marang yang telah menjuarai Kejohanan Futsal 7 Sepasukan Piala Zain, Jawatankuasa Eksekutif Takmir Masjid tersebut telah mengadakan Majlis Membaca Doa Kesyukuran di masjid berkenaan.

Hadir ke majlis tersebut ialah Ketua Kampung Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Tarip, selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir, para ahli jawatankuasa takmir, para ibu bapa, penjaga dan para belia masjid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Awang Md. Sharine Hadiman bin Sahari diselajurkan dengan bacaan Doa Kesyukuran.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Imam Masjid Kampung Batu Marang, Awang Saiful Rizal bin Haji Abdul Ghafar.

Diikuti dengan ucapan penghargaan daripada Awang Md. Sharine Hadiman yang juga selaku Setiausaha Takmir dan ucapan daripada Pengurus Pasukan Al Ma'wa, Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi.

Majlis Penyerahan Piala Iringan daripada Awang Md. Abd Azim bin Zaini selaku Ketua Pasukan dan disusuli dengan penyerahan piala pusingan daripada Awang Haji Mohammad Isa selaku Pengurus Pasukan kepada Awang Saiful Rizal.

Penyampaian sijil penghargaan kepada pengurusan pasukan dan hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Awang Saiful Rizal.

Sebelum majlis bersurai, bacaan Doa Selamat 'Allah Peliharakan Sultan dan Negara' dibacakan oleh Awang Md. Sharine Hadiman.

Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah telah diadakan pada 28 Januari 2018.